



20 November 2012
20 November 2012
P.U. (A) 378

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN
KEPADA W.R. GRACE SPECIALTY CHEMICALS (M) SDN.
BHD., KUANTAN, PAHANG) 2012

*FACTORIES AND MACHINERY (EXEMPTION TO W.R. GRACE
SPECIALTY CHEMICALS (M) SDN. BHD., KUANTAN,
PAHANG) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGEQUALIAN KEPADA W.R. GRACE SPECIALTY
CHEMICALS (M) SDN. BHD., KUANTAN, PAHANG) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian kepada W.R. Grace Specialty Chemicals (M) Sdn. Bhd., Kuantan, Pahang) 2012.**

Pengecualian

2. Semua bejana tekanan tidak berapi yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa, dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, atas nama W.R. Grace Specialty Chemicals (M) Sdn. Bhd., Kuantan, Pahang yang telah dikeluarkan perakuan kelayakan, dikecualikan daripada persediaan yang dikehendaki di bawah perenggan 17(*b*) Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*] bagi pemeriksaan ulangan yang berikutnya selepas habis tempoh perakuan kelayakan itu pada 20 Disember 2012.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 tertakluk kepada syarat bahawa semua bejana tekanan tidak berapi yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah, dan Pemeriksa berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan dan ujian itu.